


# Pelaksanaan PPN pulihkan ekonomi, kesihatan awam



Pemimpin parti perlu ketepi isu politik pastikan perancangan pemulihan lancar

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

Semua dasar untuk memulihkan ekonomi negara dan membantu rakyat perlu diteruskan di sebalik ketidaktentuan senario politik tempatan pada masa ini.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman, berkata dasar kerajaan

sedia ada menerusi Pelan Pemulihran Negara (PPN) sudah jelas untuk membantu memulihkan ekonomi negara dan pada masa sama menamatkan krisis kesihatan.

Malah, katanya, PPN adalah nadi penting untuk mengembalikan kesihatan awam dan memastikan aktiviti ekonomi boleh berjalan seperti sedia kala.

"Kerugian besar yang ditanggung oleh negara akibat COVID-19 ketika ini tidak boleh dikembalikan dalam masa yang singkat dan ia memerlukan perancangan dasar yang rapi dan dinamik, serta mendapatkan sokongan daripada pelbagai pihak.

"Untuk itu, bagi memastikan sesebuah perancangan dasar semasa boleh berjalan dengan lancar dan mendapatkan hasil yang terbaik, maka perlu adanya kehendak politik kolektif yang menjadi teras kepada kejayaan dasar

atau perancangan negara ini," katanya kepada *BH*.

Dalam masa sama, beliau menegaskan bahawa kestabilan politik adalah elemen penting yang perlu diambil kira untuk mengurangkan ketidaktentuan ekonomi yang dilalui oleh negara dalam tempoh pemulihan ini.

"Jika tidak, keyakinan pelabur akan merosot, ketidaktentuan ekonomi akan berterusan lebih lama lagi dan akhirnya rakyat akan menjadi mangsa.

"Perlu diakui juga setiap dasar pasti ada sisi lompong yang boleh ditambah baik. Namun, ia tidak boleh dijadikan agenda persendirian yang boleh menggugat objektif utama dasar semasa.

"Jika hala tuju yang sama ada pada semua pihak dan bersepakat untuk mengadakan gencatan politik, pelaksanaan PPN akan lebih mudah dan berkesan."

san," katanya.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata dasar sedia ada diyakini tidak akan tergugat dan akan diteruskan oleh kementerian serta agensi kerajaan yang bertanggungjawab.

"Cuma, yang akan terkesan adalah dasar baharu yang hendak dilaksanakan mungkin akan tertangguh jika berlaku perubahan kerajaan semasa Parlimen berlangsung September ini.

"Ini akan merencatkan usaha pemulihran ekonomi tahun ini dan tahun hadapan. Jika kerajaan masih tidak stabil untuk beberapa bulan akan datang ini, segala perancangan akan terganggu dan memberi impak negatif yang besar kepada ekonomi serta pelaburan negara," kata-

Jika hala tuju yang sama ada pada semua pihak dan bersepakat untuk mengadakan gencatan politik, pelaksanaan PPN akan lebih mudah dan berkesan.

**Muhammad Daaniyall Abd Rahman,**  
Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UPM



Jika kerajaan masih tidak stabil untuk beberapa bulan akan datang ini, segala perancangan akan terganggu dan memberi impak negatif yang besar kepada ekonomi serta pelaburan negara.

**Ahmed Razman Abdul Latiff,**  
Penganalisis Ekonomi PBS

